

D505

B B216 AAB
ULANGAN DENGAN PARA SATU
MAHATHIR - IDENTITI RRR

KUALA LUMPUR, 1 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MATLAMAT KERAJAAN IALAH UNTUK MEWUJUDKAN SATU BANGSA MALAYSIA YANG UNIK DENGAN MENGEKALKAN UNSUR-UNSUR DAN BUDAYA KAUM YANG BERLAINAN KETURUNAN YANG MENJADIKAN MALAYSIA TANAH AIR MEREKA.

TANPA MENGHAPUSKAN IDENTITI KAUM ASAL MASING-MASING, RAKYAT MASIH BOLEH MENJADI BANGSA MALAYSIA YANG BERMAKNA, KATANYA KETIKA MELANCARKAN RANCANGAN PEMASYARAKATAN PERPADUAN DI SINI.

BELIAU BERKATA MALAYSIA BUKANLAH SATU-SATUNYA NEGARA DI DUNIA INI YANG MEMPUNYAI WARGANEGARA YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM YANG MENGAKUI IDENTITI, KEBANGSAAN YANG SAMA.

KATANYA, KIAN LAMA KIAN BANYAK NEGARA YANG MEMPUNYAI PENDUDUK BERBILANG KAUM.

+AMERIKA SYARIKAT, AUSTRALIA, INDIA DAN NEGARA-NEGARA LAIN JUGA MEMPUNYAI PENDUDUK BERBILANG KAUM, TETAPI KITA KENAL ORANG AMERIKA, ORANG AUSTRALIA DAN ORANG INDIA KERANA CIRI-CIRI TERTENTU YANG ADA PADA MEREKA,+ TAMBAHNYA. --LAGI
1750MST 01 08 88

D462

B B187 AAB
MAHATHIR - IDENTITI 2 KUALA LUMPUR RRR

PERDANA MENTERI BERKATA, +WALAU PUN KITA LEBIH LIBERAL DARIPADA MEREKA, KITA MASIH BOLEH MEMBENTUK CIRI-CIRI YANG BOLEH DIKENALI SEBAGAI KHUSUS UNTUK BANGSA MALAYSIA.+

BELIAU BERKATA PADA ZAMAN KESULTANAN MELAKA, KAUM-KAUM MEMANG BERCAMPUR-GAUL DAN PERKAHWINAN ANTARA KAUM ADALAH PERKARA BIASA DAN SEBAB ITU WUJUDNYA MASYARAKAT CINA BABA, PORTUGIS MELAKA DAN CETI.

BELIAU BERKATA DI SAMPING MENGEKALKAN IDENTITI KAUM, PENDUDUK MELAKA BERJAYA MENCIPTA IDENTITI YANG KHUSUS BAGI ORANG MELAKA.

KATANYA, DI PULAU PINANG JUGA PROSES INI BERLAKU DI ZAMAN BRITISH DENGAN PERKAHWINAN ANTARA KAUM KERAP BERLAKU DI KALANGAN ORANG-ORANG BERAGAMA ISLAM DAN KADANG-KADANG ANTARA ISLAM DAN BUKAN ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA,+ DENGAN INI TERBENTUK MASYARAKAT ARAB PERANAKAN, MELAYU PERANAKAN, MELAYU SIAM (SAM SAM), KETURUANN ACEH, RAWA, BUGIS, BANJAR DAN SUKU-SUKU KAUM LAIN DARI INDONSEIA YANG MENERIMA ADAT RESAM MELAYU DAN DENGAN ITU DIIKTIRAF SEBAGAI MELAYU DAN DEMIKIAN JUGA DENGAN MASYARAKAT BABA, PORTUGIS DAN CETI YANG TIDAK HILANG IDENTITI MEREKA.+ --LAGI
1632MST 01 08 88

D479

B 8197 AAB
MAHATHIR - IDENTITI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALANGNYA SEMENJAK MERDEKA ADA USAHA DIBUAT UNTUK MENEBAHKAN PERKAUMAN SEHINGGA KEBUDAYAAN YANG MEMPUNYAI UNSUR-UNSUR NEGARA INI DI KALANGAN KAUM BUKAN MELAYU TELAH HILANG.

BELIAU BERKATA ALIRAN INI AMAT DIKESALI KERANA KEBUDAYAAN ZAMAN KESULTANAN MELAKA SEPATUTNYA MENJADI CONTOH YANG BAIK UNTUK INTEGRASI KAUM DI MALAYSIA.

KATANYA, DALAM USAHA PEMASYARAKATAN PERPADUAN, UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN YANG BERASASKAN KEPADA CIRI-CIRI KESULTANAN MELAKA SEPATUTNYA DIHIDUPKAN SUPAYA DAPAT MENOLONG MERAPATKAN HUBUNGAN KAUM SEHINGGA PERBEZAAN DI ANTARA KAUM TIDAK MENJADI BEGITU KETARA.

BELIAU BERKATA TIDAK SIAPA DAPAT MENAFIKAN BAHAWA SEBARANG PERHUBUNGAN ANTARA KAUM KINI ADALAH LEBIH MUDAH KERANA RAMAI SUDAH FASIH BERBAHASA KEBANGSAAN TERUTAMA DI KALANGAN BELIA.

KATANYA, +KITA YAKIN SELEPAS SATU GENERASI LAGI, BAHASA KEBANGSAAN AKAN MENJADI BAHASA PERANTARAAN YANG BENAR-BENAR BERKESAN DAN ULUNG DI NEGARA INI.+ --LAGI
1705MST 01 08 88

D481

B 8198 AAB
MAHATHIR - IDENTITI 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, +TETAPI KITA BELUM DAPAT MENGATASI PERASAAN PERKAUMAN GENERASI TUA DARIPADA MEMPENGARUHI SIKAP GENERASI MUDA KERANA TAKUT KEHILANGAN IDENTITI KAUM MEREKA+

KATANYA OLEH ITU MEREKA SERING MENEKANKAN SOAL-SOAL PERBEZAAN KAUM SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DI KALANGAN GENERASI MUDA.

BELIAU BERKATA DARI SEMASA KE SEMASA MEREKA MENJADIKAN KAUM SEBAGAI ISU POLITIK YANG TIDAK DAPAT TIDAK MEMPENGARUHI FIKIRAN MURID-MURID DAN ANAK-ANAK MUDA.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK ADA NIAT UNTUK MENGHAPUSKAN MANA-MANA KAUM DI NEGARA INI DAN MEREKA BEBAS MENGEKALKAN IDENTITI MEREKA IAITU BAHASA, AGAMA DAN KEBUDAYAAN.

BELIAU BERKATA,+TETAPI DI WAKTU MENCAPAI KEMERDEKAAN DAHULU KITA TELAH MEMBUAT SATU PERJANJIAN UNTUK MENERIMA NAMA RASMI NEGARA INI SEBAGAI MALAYSIA, BANGSA KITA SEBAGAI BANGSA MALAYALIA DAN BAHASA KITA SEBAGAI BAHASA MALAYSIA.+

KATANYA,SEMUA NAMA INI DIASASKAN KEPADA NAMA PENDUDUK ASAL YANG TERBESAR DI NEGARA INI IAITU BANGSA MELAYU. -- BERNAMA
1709MST 01 08 88